

Weststar, PTTEP meterai kontrak RM2b

KUALA LUMPUR - Weststar Aviation Services Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan Weststar menandatangani perjanjian dengan PTT Exploration and Production (PTTEP) bagi operasi perkhidmatan helikopter luar pesisir bernilai RM2 bilion bagi tempoh tujuh tahun.

Perjanjian yang menyaksikan permulaan operasi serantau pertama di Asia Tenggara itu di-

datangkan dengan pilihan untuk lanjutan masa selama dua tahun.

Pengarah Urusan Kumpulan Weststar, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim berkata, usaha sama Weststar bersama syarikat United Offshore Aviation yang berpangkalan di Thailand merupakan satu langkah besar dalam usaha mengukuhkan tapak dalam industri penerbangan luar

pesisir global.

Operasi yang berpangkalan di Songkhla, Thailand, akan melibatkan enam helikopter Agusta Westland AW139 dan kakitangan seramai 140 orang.

Weststar kini memiliki kontrak perkhidmatan berjumlah lebih RM6 bilion dan turut memiliki kumpulan helikopter luar pesisir terbesar dan paling moden di dunia. - Bernama